



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Madzhi Haji Johari. (1989). Dialek Melayu Sarawak dalam Arus Perkembangan Bahasa-bahasa di Nusantara. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 107-120

DIALEK MELAYU SARAWAK DALAM ARUS PERKEMBANGAN BAHASA-BAHASA DI NUSANTARA

Madzhi Haji Johari

PENDAHULUAN

BAHASA adalah salah satu aspek untuk menggambarkan seni dan budaya sesuatu bangsa. Menerusi bahasa juga perkembangan tamadun sesuatu bangsa itu boleh dinilai serta dimanfaatkan oleh generasinya sendiri terutama dalam usaha bangsa itu mencari identitinya. Dialek Melayu Sarawak adalah salah satu antara beribu-ribu dialek bahasa Melayu yang terdapat di Nusantara ini. Bahasa Melayu telah diakui oleh para sarjana bahasa sebagai salah satu bahasa yang terpenting di rantau ini.

Kerajaan Melayu zaman lampau telah menguasai daerah Nusantara ini bukan saja dalam bidang perdagangan tetapi juga dalam bidang politik dan pada masa yang sama bahasa Melayu menjadi lingua franca bagi penduduk-penduduk rantau ini. Tidak hairanlah jikalau Nusantara ini dianggap sebagai rantau bagi bangsa dan bahasa Melayu iaitu tempat berkembang dan suburnya bahasa Melayu hingga ke hari ini. Dalam keadaan inilah dialek Melayu Sarawak akan dapat memberi kita sedikit sebanyak gambaran akan hubungan kita dengan bangsa-bangsa lain di Nusantara, yang sama dalam satu rumpun keluarga yang besar — rumpun bangsa Melayu yang berbahasa Melayu.

DIALEK MELAYU SARAWAK DALAM ARUS PERKEMBANGAN BAHASA-BAHASA DI NUSANTARA

oleh

Madzhi Haji Johari

PENGENALAN

BAHASA adalah salah satu aspek untuk menggambarkan seni dan budaya sesuatu bangsa. Menerusi bahasa juga perkembangan tamadun sesuatu bangsa itu boleh dinilai serta dimanfaatkan oleh generasinya sendiri terutama dalam usaha bangsa itu mencari identitinya. Dialek Melayu Sarawak adalah salah satu antara beribu-ribu dialek bahasa Melayu yang terdapat di Nusantara ini. Bahasa Melayu telah diakui oleh para sarjana bahasa sebagai salah satu bahasa yang terpenting di rantau ini.

Kerajaan Melayu zaman lampau telah menguasai daerah Nusantara ini bukan saja dalam bidang perdagangan tetapi juga dalam bidang politik dan pada masa yang sama bahasa Melayu menjadi lingua franca bagi penduduk-penduduk rantau ini. Tidak hairanlah jikalau Nusantara ini dianggap sebagai rantau bagi bangsa dan bahasa Melayu iaitu tempat berkembang dan suburnya bahasa Melayu hingga ke hari ini. Dalam keadaan inilah dialek Melayu Sarawak akan dapat memberi kita sedikit sebanyak gambaran akan hubungan kita dengan bangsa-bangsa lain di Nusantara, yang sama dalam satu rumpun keluarga yang besar — rumpun bangsa Melayu yang berbahasa Melayu.

RUMPUN BAHASA MELAYU

Sebagai salah satu dialek bahasa Melayu, dialek Melayu Sarawak adalah tergolong ke dalam rumpun bahasa AUSTRONESIA. Bahasa Austronesia itu pula bersama-sama dengan rumpun bahasa AUSTROASIA adalah dalam lingkungan Filum AUSTRIK.

Filum AUSTRIK


Rumpun AUSTROASIA

Rumpun AUSTRONESIA

AUSTRIK maknanya selatan, iaitu diambil dari perkataan Latin AUSTRO. Filum Austrik ertinya bahasa-bahasa di kawasan selatan. Rumpun Austroasia yang tergolong di dalamnya bahasa-bahasa Mon, Khmer dan Cham adalah bahasa-bahasa di Asia Selatan. Rumpun Austronesia, (NESIA itu diambil dari NESOS dalam bahasa Yunani yang bererti PULAU) ialah bahasa-bahasa di pulau-pulau selatan.

Bahasa-bahasa di pulau-pulau selatan ini sangat luas penyebarannya dan para pengkaji sejarah dan perbandingan bahasa menyebutnya kawasan Nusantara. Kawasan Nusantara meliputi kawasan-kawasan yang bertolak dari Taiwan di Utara hinggalah ke Kepulauan Indonesia di Selatan dan dari Madagaskar di Barat hinggalah ke kepulauan Ester di Lautan Pasifik.

Demikianlah rumpun Austronesia itu mengandung di antaranya beberapa keluarga bahasa yang besar. Antaranya ialah Keluarga Indonesia, Keluarga Melanesia, Keluarga Mikronesia dan Keluarga Polinesia.



Para pengkaji bahasa menempatkan beberapa bahasa itu ke dalam satu keluarga berdasarkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara bahasa-bahasa itu. Persamaan dan perbezaan itu meliputi sistem bunyi, pembentukan kata dan ayat dan perbendaharaan kata.

Keluarga Melanesia ialah bahasa-bahasa yang terdapat di New Guinea, Halmahera dan pulau-pulau di sekitarnya. Keluarga Mikronesia terdapat di kawasan-kawasan di Timur Filipina seperti bahasa-bahasa di Kepulauan Chemoro, Guam, Truk dan lain-lain. Keluarga Polinesia pula terdapat di Fiji dan sekitarnya hingga ke New Zealand di Selatan dan kepulauan Hawaii dan Ester di sebelah Timur.

Bahasa Melayu tergolong ke dalam kelompok keluarga Indonesia. Bahasa Filipina dan juga Formosa termasuk dalam keluarga yang sama. Skema di bawah menggambarkan pembahagian itu dengan lebih jelas.



Dr. Asmah Hj. Omar dalam tulisannya tentang susur galur bahasa Melayu telah memasukkan bahasa-bahasa di Sabah, kecuali bahasa Melayu dan Bahasa Lun Dayeh, ke dalam golongan bahasa Filipina dan Formosa. Bahasa-bahasa Bajau, Bisayah, Dusun, Ilanun, Murut, Paitan, Suluk dan banyak lagi yang lain di Sabah adalah lebih dekat kekeluargaannya dengan